



23 JUN, 2024

Hari Taman Putrajaya 2024 tampilkan suasana desa

Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Hari Taman Putrajaya 2024 tampilkan suasana desa

PUTRAJAYA: Hari Taman Putrajaya 2024 yang berlangsung semalam hingga hari ini di Taman Warisan Pertanian, Presint 16 di sini mengetengahkan suasana desa di tengah bandar bagi menggamit kehadiran pengunjung.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud berkata, Taman Warisan Pertanian dipilih sebagai lokasi penganjuran kali ini berikutan keunikan dusun dalam bandar yang ditawarkan dengan berkonsepkan 'agro tourism'.

Menurutnya, bertemakan 'Mengimbau Zaman Dulu-Dulu', Hari Taman Putrajaya menyediakan pelbagai program kepada pengunjung antaranya permainan tradisional, menangkap belut di sawah, menanam padi, demonstrasi menoreh dan memproses getah, mengacau dodol serta aktiviti mengail ikan menggunakan buluh.

"Program anjuran PPj ini bertujuan mempromosi keunikan dan kepelbagaian 12 taman awam yang terdapat di Putrajaya, sekali gus menjadikannya sebagai tarian pelancongan domestik dan antarabangsa.

"Kita juga ingin dedahkan kepada orang ramai mengenai keperluan mewujudkan taman di kawasan-kawasan kediaman di bandar dan dalam masa sama dapat memberi hasil kepada penduduk untuk dinikmati," ka-



DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL melihat kanak-kanak menyertai aktiviti menangkap ikan belut pada Hari Taman Putrajaya 2024 (PPD 2024) di Taman Warisan Pertanian, Putrajaya, semalam. - MINGGUAN/FAISOL MUSTAFA

tanya ketika ditemui pemberita selepas perasmian Hari Taman Putrajaya 2024 yang disempurnakan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail di sini semalam.

Fadlun berkata, Taman Warisan Pertanian adalah lokasi ketiga yang dipilih sejak penganjuran kali pertama Hari Taman Putrajaya di Taman Wetland pada 2019, diikuti Taman Wawan pada 2020.

Jelasnya, pada penganjuran

kali ini, PPj mendapat kerjasama rakan strategik iaitu Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia, Red Adventure Sdn Bhd dan Koperasi Perbadanan Putrajaya Berhad.

Beliau berkata, selain menawarkan pelbagai aktiviti menarik, pengunjung juga boleh menikmati bufet buah-buahan pada harga serendah RM10 bagi dewasa dan RM5 untuk kanak-kanak berumur tujuh tahun ke atas.



23 JUN, 2024

Hari Taman Putrajaya 2024 tampilkan suasana desa

Mingguan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Hari Taman Putrajaya 2024 tampilkan suasana desa PUTRAJAYA: Hari Taman Putrajaya 2024 yang berlangsung semalam hingga hari ini di Taman Warisan Pertanian, Presint 16 di sini mengetengahkan suasana desa di tengah bandar bagi menggantikan kehadiran pengunjung. Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud berkata, Taman Warisan Pertanian dipilih sebagai lokasi penganjuran kali ini berikutan keunikan dusun dalam bandar yang ditawarkan dengan berkonsepkan 'agro tourism'. Menurutnya, ber...